

20 MAR 2000

Mahathir-Sanggang

UMNO TIDAK PANDANG RINGAN PILIHAN RAYA KECIL SANGGANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata UMNO tidak akan memandang ringan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang 1 April ini bagi mengelakkan kekalahan pada pilihan raya kecil Parlimen Arau pada 1998 berulang.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata walaupun ini pilihan raya kecil, parti lawan akan menumpukan segala tenaga dan wang ringgit bagi mencapai kemenangan untuk membuktikan mereka lebih popular.

"Kadang-kadang kita pandang ringan kerana beranggapan walau apa pun berlaku, kita terus jadi kerajaan," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata UMNO dan Barisan Nasional perlu menumpukan segala usaha di Sanggang kerana parti lawan akan menyatakan sokongan kepada UMNO di Pahang telah merosot jika mereka menang pilihan raya kecil itu.

Kerusi Dewan Undangan Negeri Sanggang yang terletak dalam parlimen Mentakab kosong berikutan kematian anggota Exco Kerajaan Negeri Pahang alahyarham Datuk Abdullah Kia pada 26 Feb lalu.

Dr Mahathir berkata jentera UMNO akan bekerja kuat dan menghantar anggota yang ramai bagi memastikan kemenangan calonnya.

"Kita bukan takut kalah tapi kita tahu cara-cara parti lawan," katanya.

Beliau berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengetuai perarakan calon Barisan Nasional, Redzwan Harun pada hari penamaan calon esok.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata wakil-wakil rakyat Barisan Nasional tidak dapat hadir pada penamaan calon kerana perlu menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

"Kita tidak mahu tidak cukup kuorum untuk perbahasan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata semua cawangan UMNO akan terus aktif sepanjang tahun dan beberapa aktiviti ke arah itu akan diadakan termasuk lebih banyak interaksi UMNO di peringkat negeri dengan MT.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan mesyuarat Raja-raja Melayu Rabu ini membincangkan supaya Raja-raja Melayu menggunakan kuasa mereka untuk menyatukan kembali umat Islam, Dr Mahathir berkata "Setahu saya, (perkara itu) tiada dalam agenda".

Mengenai cadangan mesyuarat Umno Bahagian Sungai Siput semalam supaya jawatan Perdana Menteri dihadkan untuk tempoh maksima 12 tahun bagi setiap pemimpin, beliau berkata itu adalah hak Bahagian berkenaan untuk membuat cadangan.

"Sama ada Umno terima atau tidak, terpulang kepada Umno," katanya.

Menjawab soalan pemberita kemungkinan Umno meminda syarat supaya pencalonan bagi jawatan Presiden parti yang kini perlu mendapat 30 peratus daripada 165 Bahagian, Dr Mahathir berkata, "Kalau nak buat perubahan, kita kena buat pindaan"

"Kita tidak boleh buat perubahan buat waktu ini," katanya.

Mengenai Perhimpunan Agung parti Mei ini, Dr Mahathir berkata kemungkinan Umno akan menjemput lebih ramai wakil dari Indonesia menghadiri perhimpunan itu jika mendapat sambutan (daripada pihak Indonesia).

Kebiasaannya, Umno menjemput parti Golkar yang memerintah negara itu sebelum ini.

Pada mesyuarat lebih tiga jam itu, Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi turut membincangkan mengenai program Astro.

Beliau berkata kerajaan tidak menganggap masyarakat Cina di negara ini

yang menonton program-program Cina dari luar negara melalui rangkaian satelit Astro itu sebagai tidak setia kepada negara.

"Cuma kita rasakan lebih baik jika mereka itu mengikuti berita melalui stesen televisyen tempatan," katanya.

"Kalau kita tak dengar berita sendiri, kemungkinan kita tidak dapat maklumat tepat tentang negara kita," katanya.

-- BERNAMA

AR NZ FAZ